

Headline	Kursus penyembelihan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	19	ArticleSize	605 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 12,067	PR Value	RM 36,201



# Kursus penyembelihan

Kursus diadakan bagi membimbing mahasiswa teknik sembelih berdasarkan hukum Islam bagi menyembelih haiwan

**S**EMPENA Hari Raya Aidiladha baru-baru ini, mahasiswa Dewan Peningapan Pelajar (DPP) Telekom Malaysia (TM) Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan Bengkel Sembelihan sehari di Pusat Sembelihan, Pusat Islam kampus itu.

Program yang dianjurkan bersama Pusat Islam UUM ini disertai oleh 30 pelajar dan dikendalikan bersama oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UUM, Mohd. Yusnaidi Md Sabri dengan bantuan kakitangan di pusat itu.

Presiden Jawatankuasa Kepimpinan Pembangunan Siswa (JKPS) Mohd. Khairul Anuar Mohd. Salleh 22, program ini diadakan bagi membimbing mahasiswa di DPP TM bagi menyembelih ayam, lembu dan sebagainya.

Katanya, urusan akademik dan pembabitan dalam aktiviti di kampus termasuk di DPP merupakan usaha yang perlu dijalankan bersama bukan sahaja untuk memberi pengetahuan dan mengajar ilmu malah dapat merapatkan lagi hubungan antara mereka.

Manakala Mohd. Sabree Ghazali 20, urus setia

kerohanian yang

dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan program ini berkata, minat dan kesungguhan dalam menjejari ilmu perlu dipertingkatkan di kalangan mahasiswa.

Oleh itu, katanya program seperti ini amat bermakna kerana Hari Raya Korban.

Bagi Ahmad Sidqi Ghazali 20 pelajar semester tiga yang berasal dari Terengganu program ini memberi pengetahuan dan memberanikan dirinya untuk bersama-sama terlibat dengan ibadah korban.

Katanya, walaupun mereka mempelajari cara


menyembelih ayam tetapi ini sudah cukup untuk membuatkan mereka menggunakan ilmu ini untuk belajar cara menyembelih kambing, lembu atau unta.

“Saya pernah mempelajari cara menyembelih ayam dimasa sekolah menengah dahulu dan tidak menyangka akan menjalani latihan praktikal di UUM ini,” kata Shahrudin Zainal pelajar Sains Ekonomi dari Klang, Selangor.

Dalam pada itu Muhammad Nabil

Jamal 19, pelajar semester satu program Pentadbiran Perniagaan yang berasal dari Kulai Johor berkata, program seperti ini bukan sahaja merapatkan hubungan antara mahasiswa di DPP ini malah dapat menggalakkan mereka untuk merancang dan menjalankan program secara bersama dengan pelajar baru dan lama.

**“ Saya pernah mempelajari cara menyembelih ayam dimasa sekolah menengah dahulu dan tidak menyangka akan menjalani latihan praktikal di UUM ini**



MOHD. NABIL JAMAL

Headline	Kursus penyembelihan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	19	ArticleSize	605 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 12,067	PR Value	RM 36,201



**MOHAMMAD Firdaus Mohd. Shukor menyembelih ayam selepas mengikuti bengkel sembelihan.**



**MOHD. Yusnadi Md Sabri menunjukkan cara menyembelih ayam kepada pelajar yang mengikuti bengkel sembelihan sehari di Pusat Sembelihan, Pusat Islam UUM, baru-baru ini.**